



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
BAHAGIAN PEMANTAUAN PROJEK DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia untuk mengisi kekosongan jawatan secara **Contract of Service** sebagaimana berikut :-

1. a) **Jawatan** : Penolong Pegawai Tadbir
b) **Gred** : N5
c) **Kementerian / Jabatan** : Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor,
Bahagian Pemantauan Projek dan Kesejahteraan Rakyat
d) **Klasifikasi Perkhidmatan** : Pentadbiran dan Sokongan
e) **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana
f) **Jadual Gaji** :
- | GAJI MINIMA | GAJI MAKSIMA | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|-------------|--------------|-----------------------------|
| RM 1,650.00 | RM 6,620.00 | RM 145.00 |
- g) **Taraf Jawatan** : Kontrak
h) **Elaun-elaun** : Imbuhan Tetap Perkhidmatan Awam : RM160.00
Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
Bantuan Sara Hidup : RM350.00
i) **Kekosongan** : 1 Kekosongan
j) **Syarat Lantikan** :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Warganegara Malaysia ;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; dan
- c) i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau
ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau
iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau

iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,893.00).

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Deskripsi Tugas:

Melaksana pengurusan pentadbiran, pengawasan dan pemantauan projek-projek pembangunan Negeri Johor yang melibatkan Pemegang-pemegang Waran dan Daerah-daerah Negeri Johor disamping menyelaras dan menganalisis pelaporan dan dokumentasi bagi penyediaan *Report Card* projek-projek pembangunan Negeri Johor serta tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

4 Penaklukan di bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan:

Calon-calon yang memasuki skim perkhidmatan jawatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam skim perkhidmatan jawatan berkenaan yang sedang berkuakuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMBUAT PERMOHONAN:

1. Permohonan hendaklah dibuat di laman web <https://jawatan.johor.gov.my/>

TARIKH BUKA PERMOHONAN : 14 APRIL 2025

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 27 APRIL 2025

2. Catatan Am:

- Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport terkini, salinan Kad Pengenalan, salinan Sijil Kelahiran, sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan serta salinan pengiktirafan kelayakan dari Kelayakan Agensi Malaysia (MQA) bagi kelulusan Diploma yang telah diakui sah salinannya.
- Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan **sekiranya dipanggil temu duga**, hendaklah membawa bersama Surat Sokongan dari Ketua Jabatan, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini beserta Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi TIGA (3) tahun terakhir **secara fizikal**.
- Borang permohonan jawatan hendaklah dicetak dan dibawa bersama sekiranya dipanggil untuk temu duga.
- Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas ENAM (6) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dikategori **TIDAK BERJAYA**.
- Segala perbelanjaan kerana menghadiri temu duga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.

**TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
(PEMANTAUAN PROJEK DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT)
ARAS 3, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD,
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR**

Tarikh iklan : 09 APRIL 2025